

TEKNOLOGI HIJAU

SPTH 01/10



Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad (12441-M)

Pusat Perkhidmatan Pelanggan:

Aras 2, Bangunan CGC, Kelana Business Centre
97, Jalan SS7/2, 47301 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan

Tel : 03-7 88 000 88
Faks : 03-7 80 300 77
E-mel : csc@cgc.com.my

Untuk maklumat teknikal berkaitan SPTH, sila hubungi:

Pusat Tenaga Malaysia

No. 2, Jalan 9/10, Persiaran Usahawan, Seksyen 9
43650 Bandar Baru Bangi
Selangor Darul Ehsan

Hotline : 1-800-88-4837
Faks : 03-8921 0801/0802
E-mel : gtfs@ptm.org.my

Laman Web : www.ptm.org.my

SKIM PEMBIAYAAN TEKNOLOGI HIJAU



*Pembiayaan Kepada Syarikat-syarikat yang
Membekal dan Menggunakan Teknologi Hijau*



Membantu Perniagaan Anda Membesar

www.iGuarantee.com.my

SKIM PEMBIAYAAN TEKNOLOGI HIJAU (SPTH-Pengeluar & SPTH-Pengguna)

Skim Pembiayaan Teknologi Hijau (SPTH) diwujudkan oleh Kerajaan bagi menggalakkan pelaburan di dalam teknologi hijau. Sektor ini dijangka menjadi salah satu sektor penting yang memacu pertumbuhan ekonomi negara kita.

Inisiatif negara ini bermatlamat untuk mencapai alam sekitar yang mampan. Institusi kewangan yang mengambil bahagian berperanan penting bagi memastikan kejayaan SPTH ini dengan menawarkan pembiayaan kepada syarikat-syarikat yang membekal dan menggunakan teknologi hijau.

KRITERIA PELABURAN

Pelaburan dalam Teknologi Hijau merangkumi produk, peralatan atau sistem yang memenuhi kriteria-kriteria berikut:

- Meminimakan pencemaran alam sekitar;
- Mempunyai sifar atau pengeluaran gas rumah hijau (GHG) yang rendah;
- Selamat untuk digunakan dan menggalakkan alam sekitar yang lebih baik dan sihat untuk semua kehidupan;
- Menjimatkan penggunaan tenaga dan sumber semulajadi; atau
- Menggalakkan penggunaan sumber-sumber yang diperbaharu.

| BUTIRAN | SPTH - PENGELUAR | SPTH - PENGGUNA |
|--------------------|---|---|
| TUJUAN | Bagi membiayai pelaburan di dalam pengeluaran teknologi hijau yang memenuhi matlamat skim. | Bagi membiayai pelaburan di dalam penggunaan teknologi hijau yang memenuhi matlamat skim. |
| KRITERIA KELAYAKAN | Syarikat berdaftar yang dimiliki oleh warganegara Malaysia (sekurang-kurangnya 51%) dalam semua sektor ekonomi. | Syarikat berdaftar yang dimiliki oleh warganegara Malaysia (sekurang-kurangnya 70%) dalam semua sektor ekonomi. |
| HAD PEMBIAYAAN | Maksima: RM50 juta (bagi setiap syarikat). | Maksima: RM10 juta (bagi setiap syarikat). |
| TEMPOH PEMBIAYAAN | Sehingga 15 tahun. | Sehingga 10 tahun. |

JENIS KEMUDAHAN

- Semua kemudahan.

YURAN JAMINAN

- 0.5% setahun.

KADAR FAEDAH/KADAR PEMBIAYAAN

- Ditentukan oleh Institusi-institusi Kewangan yang mengambil bahagian.

LINDUNGAN JAMINAN

- 60% daripada jumlah pembiayaan.

INSTITUSI KEWANGAN YANG MENGAMBIL BAHAGIAN

- Semua bank-bank komersil dan bank-bank Islam.
- Institusi Kewangan Pembangunan (Bank Pembangunan, SME Bank, Agro Bank, Bank Rakyat, EXIM Bank dan Bank Simpanan Nasional).

AGENSI PELAKSANA

- Pusat Tenaga Malaysia dan Credit Guarantee Corporation Malaysia Berhad.

TATACARA PERMOHONAN

- Syarikat/Pemohon perlu memohon bagi mendapatkan audit teknikal kepada Pusat Tenaga Malaysia. Setelah memperolehi kelulusan audit teknikal, syarikat/pemohon boleh melanjutkan permohonan pembiayaan kepada mana-mana institusi kewangan yang mengambil bahagian.
- Setelah mendapat kelulusan, institusi-institusi kewangan berkenaan akan memohon terus jaminan daripada CGC.

TEMPOH PERMOHONAN

- Berkuatkuasa 1 Januari 2010 bagi tempoh 3 tahun atau sehingga jumlah kelulusan pembiayaan mencecah RM1.5 bilion, yang mana terdahulu.